

Implementasi Konsep Pengurusan Dakwah Satu Tinjauan Awal Di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

Masitah Binti Esa¹, Amini Amir Abdullah², Nurdeng Deuraseh³, Ma'rof Redzuan⁴, Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao⁵

¹ Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kompleks Pusat Islam Jalan Perdana 50480 Kuala Lumpur

^{2,3,4} Jabatan Pengajian Kenegaraan Dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang Selangor

⁵ Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM Bangi Selangor

Progres Artikel

Diterima: 10 November 2016

Disemak: 25 Mac 2017

Disemak: 25 Jun 2017

*Corresponding Author:

Masitah Binti Esa,
Yayasan Dakwah Islamiah
Malaysia (YADIM),
Kompleks Pusat Islam, Jalan
Perdana 50480 Kuala Lumpur
Email:
masitah.esa@yadim.com.my

Abstrak: This article discusses the implementation of a new concept of da'wah management carried out by The Islamic Da'wah Foundation Malaysia (YADIM). It is suppose to manage and delegate all movements systematically and effectively to the public. This method of da'wah managing used in an Islamic-based organization should be viewed holistically by other organizations in achieving their respective goals and objectives. What has been discussed by certain Islamic intellects are focussed more towards the management of the organization based on what is known, no scholar has ever discussed thoroughly on da'wah management. What should the organization have in order to be da'wah compliant? How does a da'wah compliant management work? What distinguishes a da'wah compliant organization compared to a conventional organization? All these questions will be answered in this paper using the Islamic epistemology approach. It is the calling towards acceptance and appreciation of Islamic values in life. There are many values contained in the Al Quran and Al Hadith on the aspects of Islamic management. Effective diversified management methodologies will attract Mad'u to improve on themselves, their families and communities. Various theories were put forward by experts in the field of management are seen as ideas to develop this da'wah management concept. Many revelations in the Al Qur'an and Al Hadith view God as the best Manager and Administrator anytime managers and administrators as well as possible. From the beginning of time and until today, Prophet Muhammad (SAW) became the role model in exemplary systematic planning and preparation of the Islamic ideologies. Islamic or da'wah management principles are ultimately aimed to achieve the blessings of Allah SWT. Therefore, these researchers will focus on an initial survey related to the management of the Islamic Da'wah Foundation Malaysia (YADIM) as the executing agency to the public. The Overview of this study uses qualitative methods through documentation analysis. The results of this study found that YADIM has a specific management strategy and methodology that corresponds to the present-day society.

Keywords: Implementation, management, da'wah, YADIM

Abstrak: Artikel ini membincangkan tentang implementasi pengurusan dakwah yang dilaksanakan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dalam menguruskan gerakan dakwah secara sistematis dan berkesan kepada masyarakat. Aspek pengurusan perlu dilihat secara holistik oleh organisasi dakwah dalam mencapai matlamat dan objektif sesebuah organisasi. Apa yang telah dibincangkan oleh para intelektual Islam banyak

menjurus kepada pengurusan dakwah tetapi berdasarkan apa yang kami ketahui, tiada sarjana yang pernah membincangkan secara tuntas pengurusan organisasi dakwah. Apa yang harus ada dalam organisasi dakwah? Bagaimana bentuk pengurusan organisasi dakwah? Apakah yang membezakan pengurusan organisasi dakwah dengan organisasi konvensional? Semua persoalan ini akan dijawab dalam dalam kertas ini dengan menggunakan pendekatan epistemology Islam. Pelaksanaan dakwah merupakan seruan atau ajakan ke arah penerimaan dan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kehidupan. Pelbagai nilai yang terkandung di dalam al-Quran dan Hadith termasuklah aspek pengurusan Islam. Pengurusan yang efektif dengan kepelbagaian metodologi dakwah akan menarik minat para mad'u dalam memperbaiki diri, keluarga dan juga masyarakat. Pelbagai teori yang dikemukakan oleh para pakar dalam bidang pengurusan yang dilihat sebagai satu idea untuk memperkembangkan gagasan-gagasan yang dibina dalam memperluaskan konsep pengurusan ini. Banyak ayat-ayat yang terkandung di dalam al-Quran dan Hadith agar manusia melihat hakikat bahawa Allah merupakan pengurus dan pentadbir yang sebaik-baiknya. *Role model* yang menjadi teladan kepada umat Islam berkaitan pengurusan bermula sejak zaman Rasulullah SAW yang telah membuat perancangan dan penyusunan suatu sistem yang berteraskan fahaman keislaman. Perancangan dan pelaksanaan yang sistematik ini memperluaskan lagi kegiatan dakwah Rasulullah SAW sehingga ke hari ini. Prinsip-prinsip pengurusan Islam diaplikasikan yang akhirnya bermatlamatkan untuk mencapai keredaan Allah SWT. Oleh yang demikian, pengkaji akan memfokuskan tinjauan awal berkaitan dengan pengurusan di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) sebagai agen pelaksana dakwah kepada masyarakat. Keseluruhan daripada kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik analisis dokumentasi. Hasil kajian ini mendapati bahawa YADIM mempunyai strategi pengurusan tertentu dalam usaha gerakan dakwahnya melalui *manhaj-mahaj* yang bersesuaian dengan masyarakat masa kini.

Kata kunci : Implementasi, pengurusan, dakwah, YADIM

Pengenalan

Pada awal abad ke-14, Islam telah menapak di Tanah Melayu secara tidak langsung telah membawa kepada perkembangan dakwah Islamiah. Menurut Mahayudin Hj.Yahya (2001:15) dalam buku karangannya bertajuk *Islam di Alam Melayu* menyatakan perkembangan dakwah di Tanah Melayu berlaku melalui aktiviti pedagang Islam dari Arab dirantau Asia Tenggara. Kedudukan geografi Tanah Melayu yang terletak di tengah-tengah rantau Asia Tenggara yang terkenal sebagai “emporium perdagangan” atau “Semenanjung Emas” di kalangan pedagang Arab. Justeru itu, senario ini telah membawa kepada dakwah Islamiah di Tanah Melayu. Kegiatan dan perkembangan dakwah selepas kemerdekaan Tanah Melayu 31 Ogos 1957 menjadi lebih jelas dan tersusun khususnya dalam kalangan golongan muda dalam period awal tahun 1970-an (Ab.

Aziz Mohd Zin 1999: 180). Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2006:46-48) lagi, usaha dakwah selepas kemerdekaan Malaysia adalah melalui pendekatan-pendekatan seperti dakwah melalui landasan politik kepartian, dakwah melalui jentera kerajaan, dakwah melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan jemaah tabligh. Dakwah secara individu turut dijalankan ketika itu.

Evolusi dakwah secara berorganisasi di negara ini maka tertubuhlah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) bertujuan untuk menyelesa aktiviti dakwah yang dijalankan oleh pelbagai badan dakwah yang mula berkembang dengan banyaknya di era tahun 1970-an. Badan-badan dakwah dirasakan sewajarnya dikawal dan diberi panduan supaya hala tuju organisasi dakwah pada ketika itu di jalan yang betul. Perkara ini bertujuan supaya tidak menimbulkan kecelaruan di

kalangan masyarakat dan tidak bercanggah dengan kepentingan serta kemajuan negara. Semua aktiviti yang dilaksanakan oleh badan-badan dakwah ini diharapkan dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat. Pelbagai bantuan disediakan untuk membantu bagi tujuan dakwah dan salah satu bantuan yang diberikan ialah menyediakan peruntukan perbelanjaan bagi keperluan majlis-majlis keagamaan. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan tinjauan awal konsep pengurusan dakwah di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia atau singkatan namanya YADIM.

Metodologi

Bentuk kajian kualitatif melalui dokumentasi telah diaplikasikan dalam mengkaji pengurusan organisasi dakwah. Secara umumnya, tumpuan kajian dianalisa berdasarkan bahan-bahan cetakan seperti buku-buku, artikel, buku laporan tahunan, suratkhabar, dan lain-lain yang membincangkan tentang pengurusan organisasi dakwah dan YADIM.

Konsep Pengurusan Organisasi Dakwah Dan Pengurusan Konvensional

Konsep pengurusan organisasi dakwah dan pengurusan konvensional terlebih dahulu dihuraikan beberapa perkara asas yang perlu difahami dan dibincangkan satu persatu melalui definisi secara umum berkaitan pengurusan organisasi dakwah dan pengurusan konvensional.

Pelbagai pendefinisian yang dikemukakan oleh para sarjana Barat dan Islam dalam memberi huraian dan makna tentang organisasi dan pengurusan. Pengurusan merupakan perihal kerja mengurus sesuatu pentadbiran (Kamus Dewan, 2002:1529). Definisi pengurusan daripada para tokoh Barat seperti R.G Anderson (1983: 70) menyatakan bahawa pengurusan adalah perancangan untuk jangka masa panjang yang dibangunkan oleh pengurus bagi menggariskan hala tuju sesebuah organisasi, menyusun atur, mengagih, mengawal, merangsang motivasi untuk para pekerjaannya bagi mencapai matlamat organisasi. Stoner & Wankel (1986: 4) aspek pengurusan sebagai proses yang merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal daya usaha para anggota organisasi serta memanfaatkan sumber lain untuk mencapai matlamat organisasi yang telah ditetapkan. Penyelaras dalam melaksanakan aktiviti, gerak kerja yang cekap dan berkesan berdasarkan khidmat orang lain atau melalunya juga diertikan sebagai pengurusan (P.Robbins & Coutler, 2005: 7).

Organisasi merupakan kesatuan, susunan yang terdiri daripada bahagian-bahagian atau orang dalam sesuatu pertubuhan atau perkumpulan untuk tujuan-tujuan tertentu atau kepentingan bersama (Kamus

Dewan, 2002: 948). Perkataan organisasi daripada bahasa Inggeris iaitu *Organization*. Kamus *Compact Oxford English Dictionary Of Current English* (2003: 794) organisasi sebagai “organization” atau “organisation” yang bermaksud usaha mengurus atau pengurusan secara sistematik atau metodologi yang tersusun secara sistematik melalui berkumpulan yang mengusahakan sesuatu perkara. Menurut Muhammad Abdul Rauf (1987:4) pengurusan organisasi merupakan satu proses mengorganisasi kemahiran manusia berpandukan kepada perancangan yang telah disusun atur bagi mencapai matlamat atau objektif yang telah ditetapkan.

Untuk mencapai objektif tersebut, maka perkara asas yang penting adalah kepimpinan dan pengorganisasian yang memerlukan kepada perancangan dan pelaksanaan yang telah diatur dalam bentuk jaringan piramid bagi menempatkan individu yang pakar sebagai pegawai dan kakitangan dalam bidang masing-masing. Oleh yang demikian, hubungan pengurusan dan organisasi memerlukan satu sistem dan proses yang dapat berfungsi secara cekap dan berkesan.

Definisi dakwah dalam Kamus *Munjid at-Tullab* (1986, 200) sebagai seruan, mengajak dan memanggil. Kata dakwah juga dikaitkan dengan ilmu dan Islam sehingga menjadi *ilmu dakwah*, *dakwah Islam* dan *al-Dakwah Islamiah*. Abu Urwah (1999: 124) mengemukakan definisi dakwah dari segi bahasa adalah menyeru atau memanggil samada perkara yang hak atau batil dan seruan kepada Allah S.W.T. Dakwah dari sudut bahasa boleh didefinisikan dengan pelbagai makna. Antaranya ialah *al-Istighathah* iaitu meminta tolong dan *al-Du'a* (الداعي) iaitu seruan (Ibrahim Ghitas, 1985: 32).

Di dalam Islam, ketiga-tiga definisi di atas mempunyai hubungan, saling melengkap dan memerlukan di antara satu sama lain dalam mencapai matlamat yang hakiki iaitu untuk mendapatkan keredaan dan kerahmatan Allah SWT. Proses penyatuan dan keterikatan yang menjurus kepada sumber organisasi yang minimum perlu dimanfaatkan secara optimum bagi mencapai objektif dakwah. Ini kerana mutakhir ini, aspek pengurusan semakin popular dan menonjol dalam pengendalian organisasi industri terutama organisasi sosial seperti institusi pendidikan, kesatuan sekerja, agama, dakwah dan seumpamanya (Ahmad Mohd Said, 1998: 68-70).

Keperluan gerakan dawah secara berorganisasi memerlukan kepada pengurusan dakwah yang efektif dan berkesan. Setiap objektif, strategi, metodologi dan pendekatan, etika dan budaya yang dikembangkan di dalam sesebuah organisasi perlulah seiring dengan matlamat syariah atau matlamat umum Islam di samping matlamat khusus organisasi itu sendiri (Rais Muhamad, Mohd Yadman Sarwan, S.Salahidin Suyurno, 2008: 39).

Kepentingan pengurusan dan perancangan dalam kehidupan manusia dapat dilihat daripada firman Allah:

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan) bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan (al-Hasyr: 18).

Oleh itu, pengurusan dakwah juga diertikan sebagai pengurusan Islam kerana terdapat unsur di antara konsep dakwah dengan ajaran Islam itu sendiri (Roslan Mohamad, 2003). Perkara ini berdasarkan kepada Islam tersebar menerusi pengurusan dakwah yang komprehensif. Pengurusan dakwah dan pengurusan Islam telah menampakkan persamaan melalui proses pelaksanaan dan amalannya bagi sesebuah organisasi dakwah.

Prinsip pengurusan Islam antaranya ialah taqwa, ihsan, ikhlas, amanah, bertanggungjawab dan tekun telah banyak panduan yang terkandung dalam al-Quran dan hadith yang sentiasa relevan dari dulu hingga sekarang (Auni Haji Abdullah 2007:4). Al-Mawardi (1985:5) dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyyah* menyatakan pengurusan ialah *al-Imamah* yang mempunyai peranan menggantikan tugas-tugas kenabian kepada menjaga agama dan mentadbir urusan dunia.

Kesinambungan dari pernyataan di atas, terdapat elemen utama yang penting dalam konsep pengurusan bagi melicinkan pelaksanaan program dakwah iaitu kepimpinan, perancangan, pengorganisasian, pengawalan, penilaian dan penambahbaikan. Pengurusan organisasi dakwah mengandungi enam perkara utama iaitu penentuan matlamat, objektif dakwah, strategi dakwah, struktur pengurusan, perancangan program dan belanjawan (Syed Othman Al-Habshi, 1998). Pengurusan dakwah memperlihatkan ciri-ciri yang penting iaitu :

- i. Mempunyai tindakan seperti perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan tanggungjawab berdakwah
- ii. Dipusatkan melalui organisasi yang diketuai oleh pemimpin yang berwibawa dan berkarisma
- iii. Mempunyai matlamat dan strategi dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan
- iv. Kesepadan sumber tenaga atau kerja secara berpasukan dalam menjalankan kerja-kerja dakwah

Ajaran Islam meletakkan fasafah tauhid sebagai tunjang utama dalam pengurusan dakwah. Faslafah tauhid amat penting diterapkan terutama dalam organisasi dakwah kerana ia merupakan landasan akidah Islam. Pengamalan prinsip-prinsip Islam secara konsisten dan sistematik akan memberikan impak positif dalam organisasi dakwah dalam usaha menyampaikan *amar maruf nahi mungkar* kepada masyarakat.

Manakala konsep pengurusan organisasi konvensional meletakkan pengurusan organisasi berkepentingan kepada duniaawi semata-mata. Mereka telah berjaya mengutarakan beberapa teori yang telah memisahkan pengurusan organisasi daripada agama dan kepercayaan. Pendekatan secara saintifik telah diimplementasikan di dalam semua bentuk pengurusan dan menghasilkan banyak perubahan kepada organisasi. Perubahan tersebut telah meningkatkan produktiviti yang sememangnya menjadi objektif berorientasikan keduniaan sahaja. Falsafah kebendaan acuan Barat ini lebih menekankan persoalan kemanusiaan dan kemodenan sebagai sesuatu bentuk yang utama dan tinggi dalam organisasi. Ahmad Bashir Aziz (2015) menyimpulkan beberapa fakta sebagai asas Islam menolak bentuk modenisme yang dikemukakan oleh Barat iaitu:

- i. Idea pembangunan menjurus ke arah pembangunan perindustrian, material dan penguasaan alam semesta yang bersifat reaktif secara sekular yang pada kebiasaannya menolak agama secara komprehensif
- ii. Idea pembangunan dan pemodenan dibangunkan mengikut kesesuaian dan acuan sistem sistem dan budaya Barat

Kesimpulannya pengurusan dakwah merupakan suatu gerakan yang tersusun secara sistematik bagi sesebuah organisasi dalam menyampaikan dakwahnya kepada masyarakat. Dakwah akan menatihahkan kejayaan dalam kehidupan manusia duniaawi dan ukhrawi apabila segala disiplin pengurusan dapat dijalankan secara sistematik dan holistik.

Latar Belakang Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

YADIM telah ditubuhkan pada tahun 1974 oleh kerajaan Malaysia. Penubuhannya berasaskan kepada keperluan masyarakat pada awal tahun 1970an. Penubuhannya sebagai satu Badan Amanah yang didaftarkan di bawah “*Trust Incorporation Ordinance 1952*” yang bertanggungjawab secara langsung kepada YAB Perdana Menteri Malaysia. Akta ini sebenarnya diberi nama *Trustees (Incorporation) Act 1952* atau *Ordinan Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952* (No.73 Tahun

1952). Akta ini kemudiannya telah dipinda pada 1 Januari 2006.

Sejarah penubuhan YADIM bermula apabila Kongres Ekonomi Islam Ke-2 yang bersidang pada 7-9 April 1972 di Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Kongres ini anjuran Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar. Kongres ini telah merumuskan untuk menubuhkan sebuah Yayasan yang dinamakan Yayasan Sebaran Islam (*Islamic Missionary Trust*) dengan tujuan menjalankan dakwah Islamiah dan menjalankan usaha-usaha kebajikan di seluruh Malaysia. Dalam resolusi ini terkandung tentang cadangan penubuhan Yayasan Sebaran Islam iaitu:

- i. Kerajaan perlu melantik sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada bijak pandai dan orang-orang Islam untuk merangka perlembagaan yang lengkap.
- ii. Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri hendaklah memberikan sokongan penuh dengan menghulurkan sumbangan-sumbangan kewangan dan lain-lain.
- iii. Yayasan ini boleh menerima sumbangan kewangan daripada apa jua punca lain yang halal (Nik Mohyideen Musa, 1972: 15).

Penubuhan Yayasan Sebaran Islam adalah hasil pembentangan kertas kerja di Kongres Ekonomi yang bertajuk "Penubuhan Perbadanan Kewangan Muslim" oleh Tuan Haji Nik Mohd Mohyideen Musa. Turut sama dalam penyusunan kertas kerja ini adalah En. Nakhaie Ahmad, yang pada ketika itu merupakan setiausaha bagi kertas kerja "Penubuhan Perbadanan Kewangan Muslim" (Nik Mohd Mohyideen Musa, 1972:11).

Pada 18 Mei 1972, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, En. Abdul Ghafar Baba telah mengadakan mesyuarat dengan ketua-ketua Majlis Ugama Islam Negeri untuk membincangkan rumusan Kongres Ekonomi Islam Kedua itu. Turut dijemput dalam mesyuarat ialah Setiausaha Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, Dato' Haji Ismail Panjang Aris, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Tan Sri Ismail Hussein dan penulis-penulis kertas kerja kongres tersebut. Mesyuarat mengkaji dua perkara penting iaitu Penubuhan Kompleks Kewangan dengan sebahagian dari modalnya adalah daripada Tabong Pembangunan Ekonomi Islam dan Penubuhan Yayasan Sebaran Islam. Dalam mesyuarat ini juga, membincangkan penubuhan jawatankuasa penaja bagi Yayasan Sebaran Islam yang ditugaskan untuk menguruskan pendaftarannya dan menggubal Undang-undang (Utusan Melayu, 8 Mei 1972). YAB Tun Abdul Razak telah mengarahkan Dato' Haji Ismail Panjang Aris, Setiausaha Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) agar menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan

oleh Tan Sri Aziz Zain yang pada ketika itu sebagai Pengurus Lembaga Letrik Negara (LLN). Surat YAB Tun Razak bertarikh 13 April 1972 telah ditujukan kepada Dato' Ismail Panjang Aris dengan menyatakan bahawa tugas jawatankuasa itu ialah "*to make a premilitary study of the proposal to establish a foundation for da'wah Islam.*"

Anggota jawatankuasa lain yang telah dilantik terdiri daripada Prof. Ahmad Ibrahim, Dr. Mohd Zain Othman dan Dato' Ismail Panjang Aris sebagai setiausaha. Turut hadir dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan ialah Dato' Syed Jaafar Albar dan Dato' Wan Kadir Ismail. Prof. Ahmad Ibrahim yang ditugaskan menyediakan draf *Deed of Trust* telah menyerahkan draf itu kepada Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Penerangan merangkap Menteri dengan Tugas-tugas Khas untuk disampaikan kepada Peguam Negara bagi mendapatkan penjelasan mengenai penubuhan Perbadanan Kewangan Muslim. Peguam Negara menyatakan tiada halangan di atas penubuhan perbadanan itu. Beliau menyebut "*The establishment of this Muslim financial corporation will not be objectionable because it is clearly allowed by the constitution*". Pada 22 Disember 1972, Peguam Negara telah menyampaikan *Trust Deed* yang telah diluluskannya kepada Setiausaha MKI yang kemudiannya MKI bersetuju dengan *Trust Deed* yang berkenaan dengan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Perlembagaan Yayasan Dakwah Malaysia, t.th.t.ms).

Pada 25 Januari 1974, YAB Perdana Menteri mengisyiharkan penubuhan YADIM di Majlis Perjumpaan Pertubuhan Kebajikan Islam Semaaysia (PERKIM) di Pahang. Pada pertemuan pertama perjumpaan badan-badan dengan badan-badan dakwah di negara ini. Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak dalam ucapannya mempunyai harapan yang tinggi terhadap YADIM. Menurutnya:

...saya suka hendak menegaskan bahawa tujuan kerajaan menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiah, Malaysia adalah untuk menggiatkan dan memusatkan lagi gerakan dakwah Islamiah di negara ini yang merupakan sebuah negara Islam yang telah memainkan peranan penting di dalam mempertahankan kesucian agama Islam dan mempertinggikan syairnya di dalam dan di luar negeri. Saya suka menyatakan bahawa kerajaan berharap dengan melalui Yayasan Dakwah Islamiah ini akan dapat di selaras dan dikemasukan aktiviti-aktiviti dakwah di semua peringkat, sama ada diperingkat yang dijalankan oleh Majlis-majlis Agama Negeri di tiap-tiap negeri ataupun peringkat badan-badan ataupun pertubuhan sukarela yang tertentu di seluruh negara (Siri Penyiaran Dakwah (1), t.th.:8).

Ucapan YAB Perdana Menteri seperti mana di atas pentingnya peranan YADIM dalam memperkuat tenaga dan memusatkan penyelarasan kegiatan badan-badan dakwah di negara ini. Peranan umat Islam dalam bidang dakwah sangat diperlukan bagi melaksanakan gerakan dakwah yang berkesan kepada masyarakat. Berdasarkan carta organisasi, YADIM mempunyai Ahli Lembaga Pernegang Amanah. Pelantikannya berdasarkan kepada peruntukkan kluasa 7(c) Perlembagaan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia pindaan 1985 yang tertulis:

7(c). Kuasa bagi melantik seorang pemegang amanah (lain daripada pemegang-pemegang amanah yang pertama) atau memecat seseorang pemegang amanah adalah terletak hak kepada Perdana Menteri Malaysia (Perlembagaan Yayasan Dakwah Malaysia, t.th. 3).

Pelantikan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua juga dilantik oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Perkara ini berdasarkan kepada Perlembagaan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia peruntukkan kluasa 8 (c) pindaan 1985 iaitu:

8 (c). Semua pelantikan pada masa hadapan bagi Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua hendaklah dibuat dari masa ke semasa oleh Perdana Menteri Malaysia (Perlembagaan Yayasan Dakwah Malaysia, t.th. 3).

Di awal penubuhan YADIM, Pemegang-pemegang Amanah ini telah mengajukan permohonan bertulis kepada Peguam Negara Malaysia untuk membuat perakuan pendaftaran Pemegang-pemegang Amanah yang dikawal oleh suatu Suratikatan Amanah bertarikh 25 Januari 1974 dalam perkara Ordinan Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952. Pada 30 Mei 1974, Peguam Negara Malaysia iaitu Tan Seri Dato' Abdul Kadir Yusof telah menandatangani akuan perbadanan tersebut (Perakuan Perbadanan, t.th. 4). Pemegang-Pemegang Amanah yang diwujudkan berdasarkan kepada Suratikatan yang telah dibuat pada 25 Januari 1974 bersamaan 1 Muharram 1394 dikenali sebagai:

...Yayasan Dakwah Islamiah yang ditubuhkan di Malaysia bagi memperkembangkan Agama Islam dan amnya bagi maksud kerja-kerja pendidikan, sosial dan kebajikan di kalangan orang-orang Islam (Perlembagaan Yayasan Dakwah Malaysia, t.th.t.ms).

Pemegang-pemegang Amanah ini mempunyai kuasa:

- a. Membuat rayuan-rayuan untuk, atau bagi memungut derma- derma sama ada berkala atau selainnya.

- b. Merancang persidangan-persidangan, simposium-simposium, seminar-seminar, syarahan-syarahan, mesyuarat-mesyuarat dan perbincangan-perbincangan bagi mencapai tujuan-tujuan Amanah itu dan memberi bantuan kewangan berkenaan dengan ini
- c. Bagi menerbitkan untuk jualan atau edaran percuma risalah-risalah, majalah-majalah berkala, buku-buku dan lain-lain penerbitan bagi memajukan tujuan-tujuan Amanah itu
- d. Menyokong dari segi kewangan atau selainnya persatuan-persatuan, institusi-institusi dan lain-lain badan yang mempunyai tujuan-tujuan yang sama dengan tujuan-tujuan Amanah itu; dan menyelaraskan, dan menasihatkan mengenai, aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan, institusi- institusi dan lain-lain badan itu supaya mencapai kejayaan yang maksimum; institusi dan lain-lain badan itu supaya mencapai kejayaan yang maksimum
- e. Mengeluarkan laporan-laporan berkala mengenai kerja Pemegang-pemegang Amanah itu (Perlembagaan Yayasan Dakwah Malaysia, t.th. 2).

Sehingga kini, pelbagai penglibatan para pakar dan pemikir dipelbagai bidang seperti keagamaan, pendidikan, perekonomian, kemasyarakatan dan lain-lain yang telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pernegang Amanah YADIM. Mereka bertanggungjawab menjaga segala kemajuan dan perkembangan YADIM dalam usaha gerakan dakwah kepada masyarakat.

Strategi Pengurusan Dakwah YADIM

Strategi YADIM mempunyai hubungkait dengan hala tuju organisasi yang mempunyai perancangan tersusun pada setiap tahun. Pemilihan strategi juga amat penting dalam mencapai matlamat organisasi tersebut. Oleh yang demikian, pihak pengurusan YADIM telah menjalankan beberapa strategi penting bersesuaian dengan pendekatan masa kini. Strategi seperti mana berikut:

- i. Mengumpul dan memanfaatkan tenaga para ulama, intelektual dan profesional Muslim dalam sessi percambahan fikiran ke arah melahirkan pemikiran-pemikiran bernes, dinamik dan bijaksana berteraskan petunjuk Al-Quran dan potensi ilmu pengetahuan untuk dikembangkan dalam masyarakat.
- ii. Menganjur dan melaksanakan program-program seminar, forum, ceramah, bengkel dan sebagainya untuk meningkatkan kefahaman mengenai Islam.

- iii. Menerbitkan majalah-majalah, buku-buku dan lain-lain penerbitan untuk diedarkan secara percuma atau jualan untuk mempromosikan kebaikan Islam dan pada masa yang sama menepis fahaman yang tidak benar mengenai Islam dan juga prinsip-prinsipnya di dalam media.
- iv. Mengguna-pakai teknologi baru termasuk informasi IT dan multimedia untuk aktiviti dakwah yang lebih efektif dan perkhidmatan yang lebih teratur dan pantas.
- v. Memberi pertolongan kebaikan, kemanusian dan juga bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa bencana alam, termasuk juga orang fakir miskin, mahupun yang Islam atau bukan Islam, orang Asli termasuk orang pri-bumi di Sabah dan Sarawak. Pertolongan yang diberikan ini untuk meringankan beban kesusahan mereka dan meningkatkan kesedaran tentang kebaikan agama Islam.
- vi. Mewujudkan dana kewangan yang kukuh bagi membiayai kegiatan dakwah dan juga memberi sokongan dalam bentuk sumbangan kewangan kepada badan-badan lain yang berkenaan, persatuan-persatuan pelajar dan belia dan juga badan-badan bukan kerajaan.
- vii. Melahirkan pekerja-pekerja yang terlatih dan berkualiti untuk kegiatan dan aktiviti dakwah dengan mengimplementasikan modul-modul latihan dan strategi bagi staf dan ahli pakar yang lain.
- viii. Mengajurkan aktiviti silaturrahim dan juga program-program luar-daerah (outreach) untuk kumpulan-kumpulan tertentu bagi menghebahkan dakyah Islam dengan menggunakan masjid sebagai tempat berkumpul.
- ix. Memberi perkhidmatan pentadbiran yang boleh diguna-pakai dengan pantas dan efisien kepada para usaha-sama, para pengajur dan para penyokong di dalam dan di luar negara didalam aktiviti-aktiviti dakwah dan program (www.yadim.com.my).

Bahagian-Bahagian Di YADIM

Merujuk kepada laman sesawang YADIM, mutakhir ini terdapat penyusunan semula organisasi oleh pengurusan Tertinggi YADIM yang melibatkan Pejabat Yang Dipertua. Bahagian Penerbitan telah di wujudkan semula dan unit keurusetiaan di bawah Pejabat Yang Dipertua selain dari bahagian pasukan Komunikasi, unit Audit Dan Kualiti. Manakala sektor yang dikekalkan ialah Sektor Pengurusan yang mempunyai beberapa bahagian seperti Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian

Sumber Manusia dan Bahagian Kewangan. Sektor Operasi pula terdiri dari Bahagian Bina Ummah, Bahagian Muamalah, Bahagian Penyelaras NGO dan Perhubungan Antarabangsa serta Bahagian Kepimpinan Muda (KEMUDA). YADIM juga mempunyai cawangan-cawangannya di peringkat zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak dan YADIM cawangan Kelantan.

Implementasi Strategi YADIM Dalam Dakwah Kemasyarakatan

Berdasarkan fungsi utama YADIM sebagai penyelaras kegiatan dakwah kemasyarakatan maka YADIM telah menubuhkan tiga Badan Khas berdasarkan strategi pertama iaitu mengumpul dan memanfaatkan tenaga ulama, intelektual dan profesional Muslim bagi gerakan dakwah dalam membina rangkaian yang dinamik di kalangan masyarakat. Badan Khas ini merupakan strategi penting bagi mengerakkan agenda dakwah di negara ini. Penubuhan Badan Khas ini diperkasa mengikut kesesuaian zaman berdasarkan kepimpinan Yang Dipertua YADIM. Badan Khas yang telah ditubuhkan ialah:

Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM)

Penubuhan Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) telah ditubuhkan pada tahun 2005 di era kepimpinan Datuk Haji Mohd Nakhaie Haji Ahmad. Antara peranan utamanya adalah menjadi forum bagi gabungan NGO-NGO Islam di Malaysia. MAIM telah dilancarkan secara rasminya oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, pada tarikh 13 Januari 2009 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya. Penubuhan ini berdasarkan tugas dan tanggungjawab YADIM sebagai penyelaras NGO-NGO Islam dan badan-badan dakwah Islam di Malaysia. YADIM sebagai sekretariat bertanggungjawab membantu mengembangkan semua kekuatan dan keupayaan NGO-NGO Islam khususnya bagi menghadapi cabaran dan isu-isu umat Islam masa kini. MAIM telah berjaya menganjurkan Muktamar Kebangsaan Majlis Amal Islami Malaysia yang menghimpunkan 3000 ahli NGO Islam di seluruh negara pada 13 Januari 2009 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Selain itu tiga Muktamar MAIM peringkat negeri telah di adakan iaitu pertama di Kedah pada 28 Mac 2009, kedua di Kelantan pada 13 September 2009 dan di Terengganu pada 19 Disember 2009 (Laporan Tahunan YADIM, 2009).

Pada tahun 2014 pula, MAIM diperkasakan apabila YADIM telah diamanahkan untuk berperanan menjalankan salah satu daripada *Minister Key Performance Indicator* (MKPI) YB Menteri di Jabatan

Perdana Menteri dengan "Membangunkan Pelan Strategik Dakwah NGO-NGO Islam" (Kertas Makluman Majlis Tindakan Dakwah NGO Islam-YADIM, 2015:1). YADIM dan JAKIM telah berbincang dan bersepakat untuk mengkoordinasi dan menyelaras peranan yang boleh dimainkan oleh NGO-NGO Islam. Pertubuhan yang selama ini bergabung di bawah YADIM dan juga JAKIM akan digabungkan dalam satu wadah di bawah MAIM. Untuk merealisasikannya, YADIM telah mengambil tindakan segera dengan mengaktifkan semula MAIM sebagai platform dan gabungan di dalam mewujudkan kolaborasi dan kerjasama bersinergi antara Organisasi-organisasi Bukan Kerajaan (NGO Islam) di Malaysia. Bengkel Pelan Strategik Dakwah NGO-NGO Islam Peringkat Kebangsaan (2015-2020) telah diadakan pada 11 & 12 Oktober 2014 di Cheringin Hills Convention Centre & Spa Resort, Janda Baik, Bentong, Pahang. Seramai 77 orang pimpinan NGO-NGO Islam yang merupakan panel bengkel mewakili 29 buah Organisasi-organisasi Bukan Kerajaan (NGO Islam) di Malaysia hadir ke program tersebut. Bengkel tersebut juga telah bersetuju membentuk beberapa kluster teras berpandukan kepada ketetapan dasar bengkel. Setiap NGO Islam ini dikategorikan berdasarkan kepada bidang lapangan dan kepakaran masing-masing.

Pada tahun 2015 pula, Minister *Key Performance Indicator* (MKPI) YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) adalah mengukuhkan pegangan akidah di kalangan-kalangan saudara baru di pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak. Jumlah program bersepada muallaf di kawasan pedalaman sebanyak 800 aktiviti. Rentetan itu, carta Unit MAIM diletakkan di bawah Bahagian Penyelarasan NGO dan Perhubungan Antarabangsa. Unit MAIM telah menyusun dan mengatur perancangan dan pelaksanaan mesyuarat dan program-program kepada masyarakat. Untuk tujuan penyelarasan, di bawah MAIM diklasifikasikan kepada tujuh kluster untuk memaksimumkan kepakaran NGO-NGO Islam (Berita Harian, 19 Februari 2016). Kluster yang diwujudkan iaitu:

- i. Akidah dan Syariah
- ii. Perpaduan Ummah dan Siasah
- iii. Hak Asasi Manusia dan Undang- undang
- iv. Ekonomi dan kegunaan
- v. Pendidikan
- vi. Wanita dan Kekeluargaan
- vii. Sosial

Kluster-kluster ini telah mengadakan perbincangan dan permusyawaratan bagi mencapai kata sepakat dalam sesuatu isu atau permasalahan umat Islam di negara ini. Hasil dari resolusi seminar, forum dan sebagainya dalam sesuatu isu akan di bawa ke pihak kerajaan untuk tindakan selanjutnya. Penerangan dan kefahaman yang

berterusan kepada masyarakat dilaksanakan dari masa ke semasa.

Majlis Dakwah Negara (MDN)

MDN adalah Badan Khas yang ditubuhkan YADIM pada bulan Oktober tahun 2013 di era kepimpinan YB Senator Dato Dr Asyraf Wajdi Dusuki. Badan Khas ini di bawah pengawasan Lembaga Pemegang Amanah YADIM. MDN ialah individu-individu adalah mereka yang menyumbang idea dan kepakaran dalam pelbagai bidang ke arah pengukuhan misi dan agenda dakwah di Malaysia. Visi MDN menjadi pusat pengembangan sumber manusia dan keilmuan umat Islam sekaligus mewujudkan suatu mekanisme ke arah perpaduan ummah yang dianggotai oleh organisasi dan individu dari pelbagai latar belakang dan lapangan. Kepakaran mereka sama ada dalam bidang perbankan, pendidikan, politik, ekonomi atau sebagainya yang dapat melaksanakan prinsip-prinsip Islam (Laporan Program Sepanjang Tahun 2014: 16).

Peranan MDN ini adalah mendokong dan merealisasikan peranan YADIM di dalam memperkasakan dakwah di Malaysia terutama aspek penyelarasan dakwah. Fokus dan peranan utamanya adalah merangkumi tiga aspek penting iaitu:

- i. Perpaduan ummah iaitu memumpuk semangat persaudaraan Islam dan mengukuhkan ikatan kesatuan di kalangan umat Islam sebagai asas bagi mencapai kemajuan dakwah dan mengangkat ummah
- ii. Penyelarasan dakwah dengan cara mengembeling potensi dan ruang dakwah dari sumber dan peranan pelbagai di kalangan umat Islam ke arah merealisasikan misi dan agenda dakwah yang disepakati
- iii. Pendekatan kerja yang dilakukan adalah dengan mengenal pasti isu-isu dakwah masa kini yang perlu diberikan perhatian dan tindakan. Selain itu, pembentukan kumpulan penyelarasan kerja dan melaksanakan tindakan dakwah dalam pelbagai bentuk aktiviti secara berkala sehingga mencapai objektif.

MDN terus mengorak langkah dengan mewujudkan kumpulan kerja yang terdiri daripada individu-individu yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang ke arah pengukuhan misi dan agenda dakwah di Malaysia. Pelantikan individu-individu ini bagi menyumbang idea bagi kumpulan kerja yang dibentuk iaitu:

- i. Kumpulan kerja pembangunan akhlak

- ii. Kumpulan kerja perpaduan ummah (aqidah)
- iii. Kumpulan kerja perpaduan ummah (politik)
- iv. Kumpulan kerja diyat
- v. Kumpulan kerja masjid mesra OKU
- vi. Kumpulan kerja dakwah non muslim
- vii. Majlis Alumni Pengajian Islam
- viii. Dana pembangunan dakwah
- ix. Penyelaras portal MDN

Kumpulan-kumpulan kerja ini telah mengadakan pertemuan, perbincangan dan program-program bagi menjayakan agenda dakwah. Selain itu, MDN terus bergerak pro-aktif dengan menubuhkan Sekretariat Perpaduan Ummah yang di anggotai seramai 70 orang Panel Perunding Perpaduan Ummah (PPPU). Para panel merupakan tokoh-tokoh intelektual dalam pelbagai bidang bagi memperkuuh agenda perpaduan ummah di negara ini.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah Multaqa Perpaduan Ummah pada 18 Mei 2016 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dengan kerjasama Wacana Ilmuan Malaysia (WIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) dan Majlis Alumni Pengajian Islam Kebangsaan (MAPIK). Penyertaan peserta seramai 200 orang melalui satu kumpulan *WhatsApp* yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sama ada para politik, ahli akademik, pemimpin NGO dan lain-lain. Hasil daripada resolusi Multaqa perpaduan Ummah tersebut, enam kumpulan kerja Panel Perunding Perpaduan Ummah (PPPU) telah ditubuhkan (*Utusan Malaysia*, 31 Mei 2016). Kumpulan kerja tersebut iaitu :

1. Kumpulan Kerja Memperkuuhkan Institusi Raja-raja
2. Kumpulan Kerja Diaog Antara Pemimpin dan Parti Politik
3. Kumpulan Kerja Mobilisasi Masyarakat Madani
4. Kumpulan Kerja Penyusuran Akar Umbi
5. Kumpulan Kerja Media dan Publisiti
6. Kumpulan Kerja Belia dan Ilmuan Muda

Kumpulan-kumpulan kerja ini telah mengadakan mesyuarat, persidangan meja bulat dan program-program mengikut kumpulan kerja masing-masing bagi membincangkan isu perpaduan ummah berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan. Usaha ini merupakan satu platform ke arah perpaduan tanpa mengira ideologi politik dan menjadi titik perubahan ke arah mencari penyelesaian terbaik dalam permasalahan ummah di negara ini.

Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM)

Pada tahun 2000 di era kepimpinan Yang Dipertua ke-7, Datuk Haji Mohd Nakhaie Haji Ahmad, telah menubuhkan MPWIM bagi menggantikan HELWA. Penubuhannya telah diberi nafas yang baru dan diperkasakan bersesuaian dengan keadaan semasa. Tujuan dan fungsinya sama seperti mana HELWA yang telah ditubuhkan pada tahun 1989. Penubuhan MPWIM ini adalah untuk menggembungkan tenaga intelektual dan profesional wanita Islam bagi mengembangkan dakwah Islam dalam pelbagai bidang khusus untuk wanita. Di samping itu, tugas MPWIM ini adalah untuk mengumpul, menyelaras dan menyatukan kegiatan pertubuhan-pertubuhan wanita Islam. MPWIM telah menganjurkan program-program secara bersama seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Jabatan Agama Islam Negeri, Badan-badan NGO dan lain-lain agensi atau pertubuhan bagi menyemarakkan kegiatan dakwah di negara ini. Isu-isu yang berbangkit di kalangan wanita diberi tumpuan utama seperti kekeluargaan, ekonomi, sosial dan sebagainya.

Kesimpulan

Pengurusan dakwah di YADIM mengalami perubahan dan evolusi semasa seiring dengan keperluan masyarakat di negara ini. Hal ini menunjukkan pengurusan yang teratur dan berkesan akan memusatkan lagi kegiatan-kegiatan dakwah kepada masyarakat. Badan Khas di kalangan Badan-badan NGO dan ilmuan merupakan salah satu usaha YADIM menyemarakkan kegiatan dakwah bagi tujuan *amar maruf nahi mungkar*.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj Sireh, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi & Mohd Anwarulhaq Sulaiman (pnyt.). (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (1999). *Pengantar Dakwah*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Urwah (1999). *Konsep-konsep Umum Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Al-Mawardi, Abu al-Hassan, 'Ali Muhammad Habib Al-Basri. (1985). *Al-Ahkam al- Sultaniyah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al'Ilniyyah
- Auni Haji Abdullah. (2007). *Pengurusan Islam :Potensi dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir
- Berita Harian. *Mukatamar Majlis Amal Islami Malaysia: Isu Ancaman agama Islam, perpaduan jadi tumpuan*. 19 Februari 2016.

- James. A.F. Stoner & Charles Wankel (1986). *Management*, 3rd. Edition. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Kamus Dewan (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Kertas kerja Penubuhan Perbadanan Kewangan Muslim oleh Nik Mohd Mohyideen Musa. 1972 dalam *Kongres Ekonomi Islam Ke-2* di Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kertas makluman Majlis Tindakan Dakwah NGO Islam-YADIM Negeri Sarawak. *Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Saudara Kita Jabatan Agama Islam Sarawak Bil. 1/2015*. Dokumen Sulit Hak Milik Yayasan Dakwah Islamaiah Malaysia.
- Laporan Program Sepanjang Tahun 2014. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur
- Laporan Tahunan YADIM. (2009). Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia: Kuala Lumpur
- Mahayudin Hj. Yahya. (2001). *Islam Di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perakuan Perbadanan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. T.Thn. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia: Kuala Lumpur
- Perlombagaan Yayasan Dakwah Malaysia. (T.Thn). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
- R.G Anderson (1983) *A Dictionarry Of Management Terms*. Plymouth: Mac Donald and Evans.
- Rasid Muhammad, Mohd Yadman Sarwan dan S.Salahudin Suyurno (2012). *Pengurusan Islam Teori dan Praktis*. Shah Alam: Penerbit Press Universiti Teknologi Mara
- Risalah Majlis Dakwah Negara (MDN) Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, t.thn. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
- Roslan Mohamad (2003). *Pengurusan dakwah: sorotan mengenai konsep*. Jurnal YADIM Bil. 5. Disember 2003.
- Siri Penyiaran Dakwah (1). Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur.
- Stephens P.Robbins & Mary Coutler (2005). *Management*. Boston: Mc Graw Hill
- Syed Othman Al-Habshi. (1998). Kepentingan pengurusan dalam dakwah Islamiah dalam Abdullah Muhammad Zin. *Prinsip dan kaedah dakwah dalam arus pembangunan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Utusan Malaysia, MDN tubuh Sekretariat Perpaduan Ummah. 31 Mei 2016
- Utusan Melayu. *Kongres Ekonomi Islam Ke-2*, 18 Mei 1972.
- www.yadim.com.my telah di akses pada 25 Julai 2015